

29 FEB 2004

Pilihan raya-Peralihan

PIMPINAN BARU NEGARA AKAN DAPAT 'UNDI PERCAYA', KATA PENGANALISIS POLITIK

Oleh: Muna Khalid

KUALA LUMPUR, 29 Feb (Bernama) -- Pucuk pimpinan baru negara akan terus menikmati 'undi percaya' daripada rakyat dalam pilihan raya umum akan datang, dan dengan pembangkang ketandusan isu, kedudukan Barisan Nasional selaku parti memerintah akan bertambah kukuh, kata seorang penganalisis politik.

Prof Datuk Dr Syed Arabi Idid berkata sejarah politik negara menunjukkan semasa peralihan kuasa pemimpin-pemimpin terdahulu, biasanya undi diberikan kepada yang menggantikan pemimpin terdahulu.

"Kita dapati bila ada peralihan Perdana Menteri...Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn dan Tun Dr Mahathir Mohamad, ketika itu rakyat memberi undi kepada pemimpin yang baru. Itu telah menjadi trend.

"Semasa pemerintahan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi (sekarang), kita rasa pengundi mempunyai "mood" yang sama kerana ideologinya juga sama (dengan pemimpin sebelumnya)," katanya kepada Bernama dalam satu temubual.

Abdullah mengambil alih tampuk pemerintahan negara pada 31 Okt tahun lepas ekoran pengunduran Dr Mahathir. Tempat beliau selaku Timbalan Perdana Menteri kini diisi oleh Datuk Seri Najib Tun Razak.

Dr Syed Arabi, yang merupakan Dekan Pusat Penyelidikan Universiti Islam Antarabangsa dan pensyarah Jabatan Komunikasi universiti itu, berkata BN masih kekal sebagai satu perikatan yang dominan dan ia mampu memenangi lebih banyak kerusi pada pilihan raya ke-11 nanti.

"BN bertambah bersatu. Kita tidak melihat parti komponen dalam BN membuat sebarang desakan sekarang," katanya mengulas mengenai senario politik negara ketika ini.

Dr Syed Arabi berkata parti pembangkang pula tidak mempunyai banyak isu untuk dibangkitkan pada pilihan raya tahun ini berbanding pada tahun 1999 apabila isu rasuah dan kronisme menjadi agenda utama mereka.

"Isu-isu yang dibangkitkan pada tahun 1999 itu mungkin tidak ada kerana sudah tidak relavan. Contohnya, Perdana Menteri baru telah mengambil tindakan untuk mengatasi rasuah," katanya.

Beliau berkata pendekatan Abdullah memerangi gejala rasuah tanpa mengira status individu yang terlibat menjadi antara faktor yang memperkukuhkan kepercayaan rakyat terhadap kerajaan yang ada sekarang.

"Pembangkang kini berada dalam keadaan yang sukar kerana mereka bergantung kepada isu. Kalau tak ada isu, susahlah mereka," katanya.

Dr Syed Arabai berkata kesediaan Abdullah untuk berkongsi idea dengan mengajak rakyat untuk "bekerja dengan beliau dan bukan bekerja untuk beliau" juga memberi laluan sukar kepada parti pembangkang.

"Ungkapan beliau itu, saya rasa, telah memikat hati rakyat," katanya.

Dr Syed Arabi berkata BN melalui perjalanan yang agak sukar semasa pilihan raya umum yang lepas, dengan adanya cabaran daripada Parti Keadilan Nasional yang mampu berpakat dengan pembangkang lain.

Namun, kini pakatan itu telah berpecah.

"PAS dan DAP mengikut haluan sendiri, dan pembangkang tidak lagi mempunyai strategi yang selari," katanya.

Dr Syed Arabi juga berkata BN mampu menguasai semula Terengganu memandangkan Umno di negeri itu kini mempunyai satu barisan pimpin yang baru.

BN tewas di Terengganu pada pilihan raya lepas kerana pengundi di negeri itu tidak berpuas hati dengan pemimpin-pemimpinnya ketika itu, katanya.

-- BERNAMA
MUN MFJ MAI